

Manfaatkan kelebihan HSUM tarik pelancong

Kuala Lumpur: Kerajaan negeri disaran memanfaatkan kelebihan Hutan Simpan Ulu Muda (HSUM) untuk diketengahkan sebagai produk ekopelancongan negeri.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata ekopelancongan di HSUM boleh menjadi sumber pendapatan baharu kerajaan negeri yang sebelum ini memperoleh puluhan juta hasil daripada pembalakan.

Katanya, HSUM mempunyai kepelbagaian biodiversiti, termasuk 10 spesies burung enggang dan tujuh spesies primat yang boleh menarik kedatangan pelancong daripada luar untuk menerokai kelebihan hutan itu.

“Selain sebagai sumber air yang penting, HSUM mempunyai kelebihan dari segi kepelbagaian spesies haiwan khususnya gajah, beruang dan tapir selain pelbagai hidupan lain.

“Sepuluh spesies burung enggang hanya ada di tiga lokasi iaitu di HSUM sendiri, Hutan Belom-Temengor dan Hala Bala di Thailand. Rugi sekiranya kerajaan negeri tidak ketengahkan kelebihan ini.

* Kajian fokus flora, fauna

“Di Thailand umpamanya berupaya menjana pendapatan melalui ekopelancongan dengan mengetengahkan 10 spesies burung enggang kepada pelancong,” katanya kepada BH.

Dr Ahmad berkata, MNS bersama pengkaji daripada beberapa universiti tempatan termasuk Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) melakukan kajian di HSUM yang memfokuskan terhadap hidupan di hutan terbabit sejak Februari lalu.

Pada masa sama, beliau percaya lebih banyak khazanah flora dan fauna masih tersimpan di HSUM yang belum ditemui dan ini memerlukan kajian lebih mendalam.

“Malaysia diiktiraf sebagai 17 negara teratas yang mempunyai kepelbagaian biodiversiti dan kita pasti lebih banyak lagi boleh diterokai di HSUM. Mungkin kita akan menemui bunga pakma di situ nanti.

“Ada pengkaji sedang membuat kajian terhadap penemuan hidupan laut, ikan dan primat di situ dan pada masa depan mungkin kita akan fokuskan terhadap kualiti alga, kulat, serangga dan burung,” katanya.